



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 4 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	GRABASSIST DILANCAR, 100 PEMANDU TERLATIH SEDIA BANTU PENUMPANG MOBILITI TERHAD		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/grabassist-dilancar,-100-pemandu-terlatih-sedia-bantu-penumpang-mobiliti-terhad	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759142/bisnes/grab-malaysia-luaskan-akses-mobiliti-dengan-grabassist	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/grabassist-mudahkan-perjalanan-penumpang-oku/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/03/malaysia-perkukuh-dasar-inklusif-untuk-golongan-oku/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.businesstoday.com.my/2025/12/03/grab-malaysia-launches-grabassist-to-boost-inclusive-mobility/	BUSINESSTODAY.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/03/grabassist-bantu-penumpang-oku-warga-emas/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KOMUNITI OKU TIDAK DIPINGGIR DALAM AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/komuniti-oku-tidak-dipinggir-dalam-agenda-pembangunan-negara	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/akta-oku-2008-disemak-semula/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyertaan-oku-diperkukuh-melalui-pelbagai-inisiatif-inklusif-nancy-550217	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KERJASAMA MENYELURUH PACU MALAYSIA KE ARAH NEGARA MESRA OKU		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2498549	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2498457	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ONLINE CHILD SEXUAL EXPLOITATION ON THE RISE, URGENT ACTION NEEDED, SAYS HOME MINISTER		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/03/online-child-sexual-exploitation-on-the-rise-urgent-action-needed-says-home-minister	THESTAR.COM.MY	
	https://utusanv.com/2025/12/03/kdn-kpwkm-tambah-baik-akta-jenayah-seksual-libatkan-kanak-kanak/	UTUSANTV.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KAHWIN LEWAT, KAYUH BASIKAL JEJAS KESUBURAN		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/03/kahwin-lewat-kayuh-basikal-jejas-kesuburan/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KRISIS SENYAP KEHAMILAN REMAJA		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/759087/suara-sinar/analisis-sinar/krisis-senyap-kehamilan-remaja	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	CHILD-DISABILITY ACTIVIST URGES GOVT TO STOP TREATING DISABILITY AS A WELFARE OR CHARITY ISSUE		POSITIF
	https://twentytwo13.my/child-disability-activist-urges-govt-to-stop-treating-disability-as-a-welfare-or-charity-issue	TWENTYTWO13.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	MEDIA PRIMA AGIH BANTUAN BANJIR BERNILAI LEBIH RM130,000 KEPADA JKM TERENGGANU		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/media-prima-agih-bantuan-banjir-bernilai-lebih-rm130000-kepada-jkm-terengganu/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295647/tabung-bencana-nstp-media-prima-sumbang-barang-keperluan-kepada-mangsa	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1480342/tabung-media-prima-serah-sumbangan-barang-keperluan-untuk-mangsa	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	JUMLAH MANGSA BANJIR DI 4 NEGERI TERUS BERKURANGAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295682/jumlah-mangsa-banjir-di-4-negeri-terus-berkurangan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2498625	BERNAMA.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/762453	MALAYSIAKINI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/03/jumlah-mangsa-banjir-di-empat-negeri-terus-berkurangan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1329311/flood-waters-recede-evacuee-numbers-drop-across-4-states	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	874 LOKASI DI JOHOR DIKENAL PASTI BERISIKO BANJIR		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1480062/874-lokasi-di-johor-dikenal-pasti-berisiko-banjir	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2498256	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/03/johor-tingkat-kesiapsiagaan-banjir-penduduk-enam-daerah-diingat-berjaga-jaga/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759144/edisi/johor/1280-anggota-polis-siap-siaga-di-874-hotspot-banjir-di-johor	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://siakapkelikeli.my/2025/12/03/polis-johor-kenal-pasti-874-lokasi-berisiko-banjir	SIKAPKELI.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/polis-johor-lokasi-berisiko-banjir-seluruh-negeri/	THESUN.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/03/874-lokasi-di-johor-berisiko-banjir-antara-november-januari/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/03/polis-johor-tingkat-kesiapsiagaan-kenal-pasti-874-lokasi-berisiko-banjir/	TVSARAWAK.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/03/874-hotspot-banjir-dikenal-pasti-di-johor/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	DEWAN RAKYAT LULUS RUU ANTIBULI 2025, WUJUDKAN SEKOLAH LEBIH SELAMAT		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dewan-rakyat-lulus-ruu-antibuli-2025,-wujudkan-sekolah-lebih-selamat	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2498355	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-antibuli-2025-diharap-jadi-hero-friend-kepada-kanakkanak-azalina-550235	ASTROAWANI.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/dewan-rakyat-lulus-ruu-antibuli-2025/	BULETINTV3.MY	
	https://bernama.com/en/news.php?id=2498495	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1480247/ruu-antibuli-2025-diluluskan-selepas-dibahas-27-ahli-parlimen	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2498456	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295613/dewan-rakyat-lulus-ruu-antibuli-2025	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1329259/anti-bullying-bill-2025-passed-review-students-over-18-2026	NST.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ruu-antibuli-2025-sesi-town-hall-tuntut-keperluan-undang-undang-bersepadu-azalina/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/dewan-rakyat-lulus-ruu-antibuli-2025-tribunal-boleh-arah-ganti-rugi-rm250000/	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/03/dewan-rakyat-lulus-ruu-antibuli-2025	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/03/dewan-rakyat-passes-anti-bully-bill	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/anti-bullying-bill-aims-to-be-a-hero-friend-to-malaysian-children/	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/03/anti-bullying-law-can-be-a-hero-for-children-says-azalina	THESTAR.COM.MY	
	https://www.scoop.my/news/276154/anti-bullying-bill-2025-passed-targets-individuals-aged-18-and-below/	SCOOP.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/ruu-antibuli-2025-hero-friend/	THESUN.MY	
	https://www.scoop.my/berita/276141/ruu-antibuli-2025-diluluskan-terpakai-pada-individu-18-tahun-ke-bawah/	SCOOP.MY	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/ruu-antibuli-2025-dilulus-dewan-rakyat-langkah-besar-perkukuh-perlindungan-pelajar/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://malaysiabangkit.com/dewan-rakyat-lulus-ruu-antibuli-2025/	MALAYSIABANGKIT.COM	
	https://malaysiaaktif.my/2025/12/ruu-antibuli-2025-diharap-jadi-hero-friend-kepada-kanak-kanak-lindungi-beri-jaminan-dan-yakinkan-mereka-sekolah-tempat-selamat-untuk-belajar/	MALAYSIAAKTIF.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=Rf-jN1lxj6I	YOUTUBE	
	https://www.youtube.com/watch?v=KWUSNYXZsTA	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	14,000 KES PELAJAR SEKOLAH DIBULI SETAHUN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/03/14000-kes-pelajar-sekolah-dibuli-setahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1480144/purata-14000-kes-buli-dilapor-berlaku-di-sekolah-setiap-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295496/14000-kes-buli-di-sekolah-setiap-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/03/14000-kes-buli-dilapor-berlaku-setiap-tahun-sekolah-lokasi-utama-insiden/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/14000-kes-buli-dilaporkan-di-sekolah-setiap-tahun-x9uyv74	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/parlimen-14000-kes-buli-berlaku-setiap-tahun-sekolah-lokasi-utama/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/fvHgHQ_2X08	YOUTUBE	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1329106/over-14000-school-bullying-cases-reported-annually-govt-says	NST.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116450/alarmed-14000-bullying-cases-annually-hastens-call-for-landmark-anti-bullying-legislation	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	MCMC PERKASA KESELAMATAN DALAM TALIAN, KESAN 957 KES KANDUNGAN JELIK KANAK-KANAK SEJAK 2024		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2498297	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mcmc-kesan-957-kes-kandungan-jelik-kanakkanak-sejak-2024-550216	ASTROAWANI.COM	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2498563	BERNAMA.COM	
	https://suara.tv/03/12/2025/mcmc-perkukuh-perlindungan-kanak-kanak-dalam-talian-menjelang-onsa-2025/	SUARA.TV	
	https://malaysiabangkit.com/mcmc-kesan-957-kandungan-jelik-kanak-kanak-899-berjaya-diturun/	MALAYSIABANGKIT.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.dagangnews.com/index.php/article/terkini/mcmc-perkukuh-perindungan-kanak-kanak-dalam-talian-menjelang-onsa-2025-61870	DAGANGNEWS.COM	
	https://themerdekaitimes.com/news/2025/12/mcmc-kesan-957-kes-kandungan-jelik-kanak-kanak-sejak-2024/	THEMDEKATIMES.COM	
	https://amanz.my/2025545527	AMANZ.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	KES GANGGUAN SEKSUAL 3 PELAJAR PEREMPUAN DI HULU SELANGOR MASIH DISIASAT - POLIS		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1479960/kes-gangguan-seksual-3-pelajar-perempuan-di-hulu-selangor-masih-disiasat	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295344/polis-masih-siasat-kes-gangguan-seksual-3-pelajar-tingkatan-empat-di-asrama	HMETRO.COM.MY	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/12/333462/dakwaan-gangguan-seksual-tiga-pelajar-di-hulu-selangor-siasatan-masih-berjalan	MEDIASELANGOR.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	POLIS KESAN WANITA, REMAJA PEREMPUAN TIDAK PULANG RUMAH SEJAK SELASA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295532/polis-kesan-wanita-remaja-perempuan-tidak-pulang-rumah-sejak-selasa	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759126/berita/semasa/polis-kesan-dua-wanita-hilang-sejak-selasa	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/03/polis-kesan-wanita-remaja-hilang-di-puchong/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	RAKAMAN SUARA DEDAH PERBUATAN KEJI LELAKI CABUL ANAK PEREMPUAN TIRI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1480162/rakaman-suara-dedah-perbuatan-keji-lelaki-cabul-anak-perempuan-tiri	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295484/rakaman-suara-dedah-dicabul-bapa-tiri	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



GrabAssist dilancar, 100 pemandu terlatih sedia bantu penumpang mobiliti terhad

Nasional - Dicipta: 03 Disember 2025 02:27 PM



Foto RTM

KUALA LUMPUR, 3 Disember - Perkhidmatan baharu, Grab Malaysia dilancarkan bersempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU), memberi kemudahan mobiliti kepada penumpang yang memerlukan bantuan tambahan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, perkhidmatan itu melibatkan 100 pemandu terlatih bagi membantu pengguna kerusi roda, warga emas dan individu yang bergantung pada alat bantuan pergerakan.

"Latihan khas itu meliputi kaedah mengendalikan peralatan mobiliti, teknik mengangkat dengan selamat serta komunikasi efektif bagi memastikan perjalanan lebih selesa dan selamat untuk penumpang.

"Buat permulaan, GrabAssist akan beroperasi di Kuala Lumpur sebelum diperluas ke negeri-negeri lain secara berfasa," jelasnya.

Datuk Seri Nancy menyifatkan inisiatif tersebut sebagai usaha penting sektor swasta dalam menyokong agenda inklusiviti negara selain menambah baik akses mobiliti OKU.

Beliau berharap lebih banyak syarikat tampil menjalankan inisiatif serupa bagi memastikan golongan OKU mendapat peluang setara, sekali gus memperkukuh ekosistem inklusif negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Komuniti OKU tidak dipinggir dalam agenda pembangunan negara

Nasional - Dicipta: 03 Disember 2025 02:27 PM



Persidangan Asean Disability Forum (ADF)

KUALA LUMPUR 3 Disember – Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak akan dipinggirkan dalam perancangan pembangunan negara, sebaliknya terus diperkasa melalui dasar yang lebih inklusif.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penglibatan OKU kini menjadi keutamaan selaras aspirasi ASEAN Enabling Masterplan 2025 dan prinsip “Nothing About Us, Without Us”.

“Malaysia kini dalam proses meminda Akta Orang Kurang Upaya 2008 bagi memastikan undang-undang sedia ada lebih komprehensif dan menepati keperluan semasa,” katanya selepas persidangan Asean Disability Forum (ADF) di sini, hari ini.

Tambah beliau, penyertaan OKU dalam sesi libat urus, perancangan dasar dan pemantauan program kerajaan amat penting supaya tiada pihak ketinggalan.

Dalam masa sama, kerajaan terus memperluas peluang pekerjaan melalui program padanan kerja, sokongan perniagaan dan kerjasama syarikat swasta seperti KFC serta penyedia perkhidmatan lain.

Majlis Kebangsaan OKU turut memainkan peranan penting sebagai platform rasmi untuk komuniti itu menyuarakan keperluan dan cadangan penambahbaikan.

Majlis tersebut juga menghimpunkan organisasi serantau serta badan antarabangsa seperti UNDP dan UNICEF.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerjasama Menyeluruh Pacu Malaysia Ke Arah Negara Mesra OKU

03/12/2025 06:56 PM



KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) – Transformasi Malaysia menuju negara mesra Orang Kurang Upaya (OKU) memerlukan kerjasama menyeluruh merentasi seluruh ekosistem sosial dan ekonomi, bukan hanya dipikul oleh kerajaan semata-mata.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam kenyataan kepada Bernama berkata, kerjasama strategik antara agensi kerajaan, sektor swasta, komuniti, dan OKU membolehkan dasar serta program yang digubal benar-benar memberi impak, bukan sekadar bersifat simbolik.

Hal ini juga menjadi asas kepada pembentukan ekosistem inklusif yang bukan sekadar melindungi, malah memperkasa OKU sebagai aset pembangunan negara, selaras dengan tema Sambutan Hari OKU (HOKU) tahun ini, "Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan Sosial."

"Sektor swasta digalakkan mengamalkan polisi pengambilan inklusif, menyesuaikan tempat kerja mengikut keperluan OKU, serta memberi peluang latihan dan pembangunan kerjaya.

"Melalui program tanggungjawab sosial korporat, syarikat juga boleh menyumbang kepada inisiatif latihan vokasional, kemahiran digital, dan inovasi teknologi inklusif," menurut kenyataan itu di sini hari ini.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan piawaian kebolehpasaran fizikal dan digital, termasuk audit reka bentuk sejagat serta pensijilan bangunan mesra OKU.

Transformasi inklusif ini juga tidak akan berjaya tanpa sokongan pertubuhan masyarakat sivil dan badan bukan kerajaan (NGO), yang berperanan sebagai rakan strategik dalam advokasi, pemberdayaan komuniti, serta penyampaian khidmat sokongan.

"Mereka menjadi jambatan antara komuniti OKU dan pembuat dasar, memastikan suara akar umbi didengar dan disalurkan secara konstruktif. Begitu juga institusi pendidikan dan media berperanan memupuk kefahaman masyarakat melalui pendidikan inklusif serta liputan positif tentang keupayaan OKU.

"Media khususnya boleh memecahkan stigma dengan menonjolkan kisah kejayaan dan inovasi OKU sebagai inspirasi nasional," katanya.

JKM berkata, program Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kekal sebagai tonggak utama pemulihan dan pembangunan komuniti OKU di negara ini, dengan lebih daripada 580 buah PDK telah diwujudkan di seluruh negara.

Beberapa PDK di seluruh negara berjaya melaksanakan program Pemeriksaan Ekonomi Berasaskan Komuniti (EEP), seperti kraf tangan, jahitan, pertanian bandar, dan penghasilan produk makanan, sekali gus meningkatkan kemahiran sendiri dan kebolehpasaran peserta.

JKM memaklumkan terdapat dalam kalangan peserta kini menjalankan perniagaan mikro secara berdikari dengan bimbingan JKM dan rakan NGO tempatan, membuktikan keberkesanan pendekatan komuniti dalam membangunkan potensi OKU.

"Ia merupakan antara strategi dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang, dan integrasi sosial bagi OKU.

"Program ini juga mengadaptasi CBR Matrix, alat yang dibangunkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk membimbing strategi pemulihan berasaskan komuniti (Community-Based Rehabilitation)," katanya.

Pada masa sama, inisiatif Anugerah Majikan Prihatin OKU diadakan bagi mengiktiraf syarikat dan usahawan kecil yang membuka peluang pekerjaan, membuktikan bahawa dengan latihan dan sokongan sesuai, OKU mampu menyumbang secara produktif dalam pasaran kerja terbuka.

"Kejayaan ini menunjukkan bahawa apabila kerajaan, sektor swasta, dan komuniti bekerjasama, model inklusi sosial bukan sekadar dasar, tetapi realiti yang membawa perubahan sebenar dalam kehidupan OKU dan masyarakat sekelilingnya," katanya.

JKM turut mengadakan program Job Coach Malaysia sebagai platform penting bagi menyokong penyertaan OKU dalam pasaran kerja, memberi bimbingan dalam latihan, kesesuaian tempat kerja, dan pengurusan diri.

Pelbagai skim bantuan seperti Elaun Pekerja OKU (EPOKU), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar (BPT), dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) terus disalurkan bagi meringankan beban hidup penerima dan menggalakkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi.

Sehingga Oktober lepas, lebih daripada 803,731 OKU telah berdaftar di bawah tujuh kategori utama, menunjukkan peningkatan kesedaran dan kepercayaan terhadap sistem kebijakan negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Online child sexual exploitation on the rise, urgent action needed, says Home Minister

By KHOO GEK SAN and RAGANANTHINI VETHASALAM

NATION

Wednesday, 03 Dec 2025

8:21 AM MYT

KUALA LUMPUR: Online child sexual exploitation is emerging as a fast-growing threat that demands urgent attention, says Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

The Home Minister cited police monitoring that shows a clear rise in technology-driven offences involving children.

He said police data and trend analysis point to a worrying shift, with more cases now linked to online grooming, abuse, and other forms of digital exploitation.

"Through ongoing monitoring, the police have found an increasing tendency of technology-based crimes, including online child sexual exploitation, which requires special attention and immediate action," he said in a written reply on Wednesday (Dec 3).

Responding to Kuala Kangsar MP Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid, Saifuddin said the police continuously tracks developments in child sexual crimes based on police reports, investigation papers, and current trend analysis.

"This helps identify crime patterns, high-risk areas, victim and offender profiles, and the modus operandi used," he added.

He said child sexual offences cover rape, sodomy, molestation, grooming, and child pornography.

Alongside investigations and enforcement, the police also carries out preventive programmes, including outreach activities, school and community awareness talks, and collaborations with government agencies and NGOs to help parents and guardians recognise risks and early warning signs.

On the legal framework, Saifuddin said existing laws including the Penal Code and the Sexual Offences Against Children Act 2017 remain the main instruments for prosecution.

While current laws are considered adequate for effective investigations, he said the Home Ministry and the Women, Family and Community Development Ministry are reviewing whether further legal enhancements are needed to ensure more comprehensive action against offenders while safeguarding children's safety.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SERING melakukan aktiviti berbasikal dikatakan antara punca seseorang kurang subur.

Kahwin lewat, kayuh basikal jejas kesuburan

Oleh NURUL IZZATI ZAINI 3 Disember 2025, 9:14 am

KUALA LUMPUR – Gaya hidup idak sihat, masalah kesihatan reproduktif, sering berbasikal dan lewat mendapatkan rawatan dikenal pasti antara punca utama semakin ramai pasangan muda hari ini berdepan kesukaran untuk memperoleh zuriat.

Ketua Unit Subfertiiliti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Dr. Wan Hilya Munira Mustapha berkata, isu ketidaksuburan melibatkan faktor lelaki, wanita, kedua-dua pasangan serta sebahagian kecil kes yang tidak diketahui punca.

Beliau berkata, secara pecahan, kira-kira 30 hingga 40 peratus kes melibatkan faktor suami sahaja, 30 peratus faktor isteri sahaja, manakala 20 hingga 30 peratus membabitkan kedua-dua pasangan dan sekitar 10 peratus lagi puncanya tidak dapat dikenal pasti.

"Dalam masalah kesuburan, selalu masyarakat letak beban pada isteri sahaja, tetapi faktor penyumbang ketidaksuburan itu adalah daripada dua-dua belah pihak. Ada lelaki atau wanita datang umur 20-an datang pun dah ada masalah sperma dan ovulasi.

"Seperti wanita, ramai sekarang yang bekerjaya atau ingin menumpukan kepada pelajaran dahulu jadi berkahwin lewat usia 30-an. Jadi kesuburan akan merosot ketara selepas umur 35 tahun, selain masalah seperti anovulasi (contohnya PCOS), endometriosis, kerosakan tiub falopio serta faktor rahim," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Dr. Wan Hilya berkata, bagi lelaki pula kebanyakan mereka berhadapan dengan masalah kuantiti dan kualiti sperma yang berpunca daripada penyakit kronik seperti kencing manis dan tiroid, berat badan obesiti, serta merokok.

"Hasil dapatan kita, 40 peratus lelaki yang hadir ke klinik untuk mendapatkan rawatan adalah perokok. Selain itu, gaya hidup yang suka serai sukan ekstrem seperti mengayuh basikal pun akan memberi kesan kepada penghasilan sperma," katanya.

Beliau menjelaskan, faktor gaya hidup lain seperti tidur tidak teratur dan stres berpanjangan juga boleh menjejaskan kualiti sperma dan ovum, sekali gus mengurangkan peluang kehamilan.

Semalam Kosmo! melaporkan lebih 7,000 pasangan sukar mendapat zuriat setelah lebih lima tahun berkahwin dirujuk ke LPPKN.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Krisis senyap kehamilan remaja



DIANA AZIS

Follow

03 Disember 2025 10:10am



Kehamilan remaja bukan hanya isu moral atau peribadi, tetapi cabaran sosial nasional yang memerlukan perhatian serius. Foto hiasan

ISU kehamilan remaja kembali mencetuskan kebimbangan nasional selepas pendedahan data terbaharu di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan, fenomena tersebut tidak boleh dilihat hanya melalui lensa moral sebaliknya perlu difahami sebagai petunjuk kepada kelemahan rangka sokongan sosial, kekurangan akses maklumat sahih serta pendidikan kesihatan reproduktif yang tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menunjukkan betapa mendesaknya situasi itu apabila sejumlah 16,951 remaja hamil tidak berkahwin direkodkan di fasiliti kerajaan dari tahun 2020 hingga 2024.

Pada masa sama, data KPWK bagi tahun 2024 pula merekodkan sebanyak 2,752 kes kehamilan bawah 18 tahun manakala 6,144 kes dilaporkan antara 2023 hingga Mac 2025.

Angka-angka itu bukan sahaja bayangan krisis yang semakin menebal, malah menggambarkan isu struktural yang memerlukan perhatian dasar secara menyeluruh.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Bayt al-Rahmah, Nor Azura Kamarudin Sohami dalam responsnya menjelaskan, statistik tersebut bukan sekadar rekod klinikal sebaliknya gambaran jelas mengenai tekanan yang dihadapi institusi keluarga, pendidikan nilai dan keselamatan sosial remaja.

Menurutnya, kecenderungan masyarakat menyalahkan remaja semata-mata tidak membantu kerana masalah ini lahir daripada kurangnya pendidikan seimbang, pendedahan digital tanpa kawalan serta ketiadaan sokongan emosi yang konsisten dalam keluarga.

Jurang pendidikan seksual yang berkesan sama ada melalui sistem persekolahan atau komunikasi dalam keluarga turut menjadi faktor utama.

Ramai remaja tidak memperoleh pengetahuan asas berkaitan keselamatan diri, risiko kesihatan atau langkah pencegahan yang boleh melindungi mereka daripada situasi berisiko.

Faktor sosioekonomi seperti kemiskinan, kurangnya perkhidmatan kesihatan reproduktif di kawasan luar bandar serta kelemahan sistem perlindungan kanak-kanak turut menambah kerentanan.

Dalam era digital, kandungan tidak sesuai yang mudah diakses tanpa pengawasan pula mempercepatkan interaksi sosial yang tidak berpandu, menjadikan remaja lebih terdedah kepada pengaruh luar yang sukar difahami.

Peranan ibu bapa dalam memantau perkembangan anak, memahami perubahan tingkah laku dan memantau penggunaan media sosial amat penting.

Pada masa sama, kelemahan penguatkuasaan undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak serta ketidaksamarataan akses perkhidmatan kesihatan menjadikan isu ini lebih kompleks.

Pendekatan holistik

Justeru penyelesaian memerlukan pendekatan holistik yang menggabungkan pendidikan, pencegahan, perlindungan dan sokongan psikososial.

Pendidikan kesihatan seksual berasaskan bukti, disesuaikan mengikut umur dan disampaikan secara selamat perlu dijadikan aspek teras.

Intervensi awal di sekolah, pusat komuniti dan platform digital yang selamat mampu menjadi strategi kos efektif. namun yang paling kritikal ialah pendekatan tanpa penghakiman supaya remaja berasa selamat untuk mendapatkan bantuan.

Dengan pendekatan holistik, berasaskan bukti dan disokong oleh seluruh ekosistem masyarakat, negara bukan sahaja berupaya mengurangkan risiko kehamilan remaja malah mampu membina persekitaran lebih sihat untuk golongan muda.

Kejayaan menangani isu ini akhirnya akan menentukan bagaimana Malaysia melindungi dan membentuk masa depan remaja.

**Diana Azis ialah wartawan Sinar Harian*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Child-disability activist urges govt to stop treating disability as a welfare or charity issue



The International Day of Persons with Disabilities, observed tomorrow, is less about celebration and more about demanding urgent, tangible and long overdue action and accountability from the authorities.

Child-disability activist Datuk Dr Amar Singh HSS said there are still many key essentials that the community, their care partners and civil society want from the government and society.

These actions and changes, he said, fall under the principle of moving from tokenistic gestures (a charity model) to the full realisation of rights (a rights-based model), in line with the United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD), which Malaysia ratified in 2010.

Dr Amar, who is also a consultant paediatrician, said the basic essentials hoped for include legal reform and enforcement, inclusive education and desegregation, employment and economic empowerment, and accessibility – physical, digital and transport.

"We need to amend Article 8(2) of the Federal Constitution to explicitly include 'disability', thereby providing legal protection for persons with disabilities (PwDs) against discrimination," said Dr Amar.

"We need to urgently amend and pass the Persons with Disabilities Act 2008 with full alignment to the CRPD. This must include strong, enforceable penalty clauses against individuals, businesses and government bodies that violate the rights of PwDs."

He said the government must also sign and ratify the Optional Protocol to the CRPD, which would allow individuals to submit complaints of human rights violations directly to the UN Committee on the Rights of Persons with Disabilities, holding the government internationally accountable.

Dr Amar said the current trend of funding and building more segregated (special-needs-only) or integrated education facilities, as seen in recent budgets, must stop.

"We must move to true inclusion in mainstream settings, in line with the CRPD. We need to mandate and fund comprehensive training for all teachers (not just special education teachers) in Universal Design for Learning (UDL), curriculum modification and individualised support."

These changes, he said, will benefit all children, not just those who are disabled.

He said recruitment, training, placement and support systems in the public and private sectors must be revamped to ensure PwDs are not discriminated against in hiring or promotion.

"More than three decades of failure by the government to achieve a tiny one per cent PwD employment quota in the public sector must end."

"We need to invest significantly in disability-inclusive training and build sustainable employment support programmes to support the inclusion and retention of PwDs in both public and private sector jobs."

He added that current job coach training programmes require a serious revamp to make them functional.

On accessibility, Dr Amar said access for PwDs to all buildings and transport facilities must be legally mandated.

"All structural obstacles in the built environment that restrict mobility and access must be systematically removed. All new buildings must be accessible by design and not as an afterthought."

He said disabled-friendly restrooms were also critical, and these improvements will benefit all of society, especially the elderly.

"It is critical that the government advocate for and drive this instead of relying solely on PwDs and civil society."

He added it was embarrassing that no single government website is fully accessible to PwDs or meets Web Content Accessibility Guidelines (WCAG 2.1).

"It is critical that all government websites, apps and services are built using Universal Design principles and meet international WCAG standards to prevent digital and information exclusion."

He also urged the government to stop treating disability as a welfare or charity issue and start treating it as a human rights, legislative and enforcement priority.

"All MPs should advocate alongside PwDs in their constituencies and ensure these basic needs and rights are championed and realised in parliament."

"With at least 40 per cent of the population being PwDs or their care partners, and with an ageing society, it is time for the government to work concertedly to meet the basic needs of PwDs, and not as an afterthought," he added.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Media Prima agih bantuan banjir bernilai lebih RM130,000 kepada JKM Terengganu

03 Disember 2025, 7:25pm



Oleh: Mohd Ishak Abdillah Ngah

MARANG: Media Prima Berhad (MPB), melalui Tabung Bencana NSTP-Media Prima, menyerahkan bantuan berupa barangan keperluan asas musim banjir kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Terengganu untuk diagihkan kepada mangsa banjir di negeri ini.

Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Muhamad Farris Effendy Md Salim, berkata keperluan asas yang diagihkan itu merupakan hasil sumbangan derma orang ramai melalui Tabung Bencana NSTP-Media Prima bernilai RM139,110.

Katanya, barangan keperluan seperti kit kebersihan, kain pelikat, dan makanan asas dihantar ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana JKM Terengganu di sini.



"Media Prima Berhad ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penyumbang yang telah menjayakan misi bantuan banjir ini.

"Orang ramai yang ingin menyumbang boleh membuat sumbangan kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima di akaun Bank Muamalat 1401 0008 8437 12.

"Tabung Bencana NSTP-Media Prima terus komited dalam membantu agensi tempatan menghadapi bencana bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat bencana.

"Esok, Tabung Bencana NSTP-Media Prima akan menghantar sumbangan sama kepada JKM Kelantan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.



Turut hadir ialah Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Pejabat Pengerusi Kumpulan, Media Prima Berhad, Azlan Abdul Aziz, serta Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Dr Norhayati Mohamad.

Sementara itu, Dr Nurhayati Mohamad berkata sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban mangsa banjir dan sekaligus menampung stok keperluan asas sedia ada yang akan diagihkan kepada mangsa banjir selepas ini.

Katanya, semua sumbangan berkenaan akan disalurkan kepada mangsa bencana bagi fasa dua yang dijangka pada Jumaat ini.

"Kita mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyumbang, di mana Media Prima berperanan sebagai orang tengah yang mengumpulkan sumbangan daripada penyumbang di seluruh negara.

"Setakat ini, keperluan makanan di pengkalan hadapan mencukupi. Sebagaimana fasa pertama, tiada sebarang masalah... semuanya mencukupi kerana kita telah membuat perancangan awal.

"Untuk fasa kedua ini juga, kita telah membuat persediaan rapi bagi menghadapi bencana tersebut," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah mangsa banjir di 4 negeri terus berkurangan

BERNAMA



PUSAT Pemindahan Sementara (PPS) SK Sungai Serai. FOTO Ahmad Ukasyah.

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir di empat negeri yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) terus berkurangan malam ini.

Di **PERLIS**, mangsa banjir terus menurun kepada 256 orang dengan penutupan satu lagi PPS setakat 8 malam ini berbanding 288 mangsa yang ditempatkan di tiga PPS pada petang tadi.

Berdasarkan data Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Perlis, terdapat dua lagi PPS masih beroperasi, iaitu di Padang Besar dan Arau.

Di **PERAK**, jumlah mangsa di 18 PPS semakin berkurangan dengan 2,763 orang daripada 785 keluarga setakat malam ini, berbanding 3,002 orang daripada 872 keluarga petang tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak memaklumkan, daerah Hilir Perak masih merekodkan jumlah mangsa tertinggi, iaitu 1,441 orang, manakala Bagan Datuk 662 mangsa, Manjung (416), Perak Tengah (229) serta Larut, Matang dan Selama (15).

Di **SELANGOR**, jumlah mangsa yang ditempatkan di PPS terus mencatatkan penurunan kepada 712 individu daripada 220 keluarga, berbanding 740 orang daripada 234 keluarga petang tadi.

Menurut laman web Infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah PPS yang masih beroperasi turut berkurangan kepada lapan berbanding sembilan, melibatkan daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Di **PAHANG**, dua PPS masih beroperasi, iaitu di Kuantan dan Maran yang menempatkan 28 orang daripada enam keluarga berbanding 32 orang daripada tujuh keluarga petang tadi.

Menurut InfoBencana JKM, sebanyak 21 mangsa daripada lima keluarga ditempatkan di Balai Raya Kampung Baru Pertanian, Maran manakala tujuh sekeluarga di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan.

Paras air di stesen Jabatan Pengairan dan Saliran di semua sungai utama negeri itu menunjukkan bacaan di bawah paras bahaya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



874 lokasi di Johor dikenal pasti berisiko banjir

Omar Ahmad - Disember 3, 2025 @ 11:31am



Ketua Polis Johor, Datuk Ab Rahaman Arsad (tengah) bersama pegawai dan anggota yang menerima sijil penghargaan pada majlis perhimpunan bulanan di IPK Johor, hari ini. - NSTP/OMAR AHMAD

JOHOR BAHRU: Sebanyak 874 lokasi di seluruh negeri ini yang berisiko dilanda banjir pada musim Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berlarutan sehingga Januari ini selepas bermula bulan lalu.

Berikutan itu, Ketua Polis Johor, Datuk Ab Rahaman Arsad, berkata hanya 20 peratus pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di negeri ini daripada keseluruhan 1,280 petugas dibenarkan bercuti pada satu-satu masa, bergantung pada keadaan semasa.

"Johor antara negeri mungkin terjejas ekoran MTL. Untuk itu, Polis Kontinjen Johor menambah kekuatan keanggotaan serta keperluan logistik bagi memastikan operasi menyelamatkan dapat digerakkan dengan cepat. Sekiranya banjir makin kritikal, kekuatan anggota akan ditambah berdasarkan jumlah keseluruhan lebih 9,000 pegawai dan anggota PDRM di Johor yang boleh digerakkan mengikut keperluan.

"PDRM Johor belum bercadang membekukan cuti pada masa ini, namun hanya 20 peratus pegawai dan anggota dibenarkan bercuti pada satu-satu masa. Jika situasi banjir bertambah buruk, kita akan menilai semula kemungkinan pembekuan cuti.

"Keseluruhannya, seramai 1,280 pegawai dan anggota kini dalam keadaan siap siaga dan lebih 900 pelbagai aset berkaitan boleh digerakkan pada bila-bila masa sekiranya bencana berlaku. Kami juga sudah memperkukuhkan tahap kesiapsiagaan seluruh jabatan dan kontinjen sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan banjir terutama di kawasan *hotspot*," katanya.

Beliau menjelaskan demikian pada sidang media selepas majlis perhimpunan bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini hari ini.

Mengenai aset untuk digerakkan bagi menghadapi bencana, beliau memberi jaminan PDRM mempunyai aset yang mencukupi, namun pada masa sama akan mendapatkan bantuan daripada agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sekiranya situasi banjir menjadi lebih kritikal.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dewan Rakyat lulus RUU Antibuli 2025, wujudkan sekolah lebih selamat

Nasional - Dicapta: 03 Disember 2025 08:43 PM



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 3 Disember - Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli 2025, satu inisiatif perundangan komprehensif untuk mendidik masyarakat dan mewujudkan persekitaran lebih selamat dalam sistem pendidikan nasional.

RUU tersebut antara lain memperkenalkan mekanisme khusus untuk menerima aduan, mencegah serta menguruskan insiden buli di institusi pendidikan dan institusi lain yang ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, melalui RUU tersebut, sebuah Tribunal Antibuli akan ditubuhkan sebagai badan berbidang kuasa sivil bagi mendengar dan memutuskan aduan berkaitan kes buli, sekali gus menyediakan laluan penyelesaian yang lebih cepat, adil dan berstruktur.

Buat permulaan, pelaksanaan rang undang-undang itu akan terpakai kepada golongan berusia 18 tahun ke bawah.

"Saya berdiri di sini untuk memberikan komitmen bahawa, jika diizinkan Allah SWT, tahun depan kita akan menilai keberkesanan RUU ini bagi kumpulan bawah 18 tahun. Pada 2026, kita juga akan mengkaji kemungkinan peluasan pelaksanaannya kepada mereka yang berusia 18 tahun ke atas," katanya ketika menggulung perbahasan.

Datuk Seri Azalina juga memberitahu, menerusi RUU itu, tribunal boleh mengeluarkan perintah terhadap responden, atau bagi responden kanak-kanak, ibu, bapa atau penjaga, untuk membayar pampasan atau ganti rugi sehingga RM250,000 bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami mangsa akibat buli.

Beliau menjelaskan, pendekatan ini bersifat pencegahan kerana tanggungjawab terhadap tingkah laku anak-anak tidak boleh diletakkan sepenuhnya kepada pihak sekolah atau guru.

Selain itu, RUU berkenaan juga membolehkan tribunal mengarahkan ibu bapa atau penjaga hadir bersama responden kanak-kanak ke sesi kaunseling atau program sokongan keibubapaan yang disediakan oleh agensi kerajaan, sekali gus memperkuat pendekatan pencegahan.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU itu bagi bacaan kali kedua, Datuk Seri Azalina mendedahkan statistik Sistem Sahsiah Diri Murid Kementerian Pendidikan menunjukkan sejak 2019, purata lebih 14,000 kes buli dilaporkan setiap tahun di sekolah rendah dan menengah.

Manakala Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan 8.6 peratus pelajar berumur 13 hingga 17 tahun pernah menjadi mangsa buli, dengan risiko tiga kali ganda mengalami kemurungan atau kecenderungan mencederakan diri.

Data Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula merekodkan 160 kes buli, termasuk buli fizikal dan buli secara dalam talian, dengan 78 peratus mangsa terdiri daripada kanak-kanak berumur 6 hingga 17 tahun antara Ogos hingga Oktober tahun ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



GAMBAR HIASAN

14,000 kes pelajar sekolah dibuli setahun

Oleh MOHD RASDAN AHMAD 3 Disember 2025, 3:08 pm

KUALA LUMPUR – Negara dikejutkan dengan pendedahan bahawa purata 14,000 kes buli berlaku setiap tahun di sekolah, menjadikan institusi pendidikan sebagai lokasi paling banyak insiden ganas itu dilaporkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, data itu sekali gus menunjukkan kanak-kanak adalah kumpulan paling terdedah dengan budaya buli yang semakin membimbangkan.

“Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam tempoh hanya dua bulan, dari Ogos hingga Oktober, merekodkan 160 kes, dengan 78 peratus mangsa berusia antara enam hingga 17 tahun. Lebih menyedihkan apabila sekolah yang sepatutnya menjadi zon selamat bertukar menjadi lokasi utama kejadian, menyebabkan ramai kanak-kanak menderita dalam diam tanpa laporan, suara dan perlindungan,” katanya.

Azalina berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli 2025 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa mengambil tindakan segera dan menyeluruh apabila buli bukan sahaja meninggalkan kesan fizikal, malah boleh menghancurkan emosi dan masa depan kanak-kanak.

Melalui fasa pertama, akta itu akan terpakai kepada kanak-kanak bawah 18 tahun sebelum diperluaskan kepada mereka berusia 18 tahun ke atas.

RUU itu turut mencadangkan penubuhan Tribunal Antibuli dengan kuasa membuat perintah pampasan sehingga RM250,000 terhadap pembuli.

“Tribunal berkenaan akan berperanan seperti badan kehakiman tetapi lebih ringkas, cepat dan mesra pengguna, sekali gus membolehkan mangsa mendapatkan keadilan tanpa perlu melalui proses mahkamah yang rumit,” katanya.

Beliau berkata, keperluan akta itu semakin mendesak berikutan dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022 yang menunjukkan 18.6 peratus remaja berusia 13 hingga 17 tahun pernah menjadi mangsa buli, dengan risiko tiga kali ganda mengalami kemurungan atau kecenderungan mencederakan diri.

Melalui undang-undang baharu ini, setiap institusi pendidikan juga diwajibkan menubuhkan jawatankuasa khas untuk mencegah dan mengurus kes buli bagi memastikan tindakan lebih seragam dan tegas.

Azalina berkata, tribunal akan mendengar dan memutuskan aduan berkaitan kes buli sama ada insiden berlaku dalam sekolah, di luar kawasan sekolah tetapi melibatkan pelajar, atau membabitkan kanak-kanak yang tidak bersekolah.

Katanya, pembentukan tribunal ini dijangka menjadi pelindung baharu kepada kanak-kanak yang selama ini menjadi mangsa dalam diam. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MCMC Perkasa Keselamatan Dalam Talian, Kesan 957 Kes Kandungan Jelik Kanak- Kanak Sejak 2024

🕒 03/12/2025 01:13 PM



CYBERJAYA, 3 Dis (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengesan sebanyak 957 kes kandungan jelik kanak-kanak di media sosial dalam tempoh 1 Jan 2024 hingga 30 Nov 2025.

Daripada jumlah itu, 899 kandungan berjaya diturunkan oleh platform media sosial, mencatatkan kadar pematuhan 94 peratus, dengan platform paling responsif ialah Tumblr, TikTok, dan Facebook.

Dalam usaha mengutamakan keselamatan kanak-kanak dalam talian, MCMC memaklumkan kerjasama penguatkuasaan turut dipergiat melalui operasi bersama pihak polis. Op Pedo 1.0 pada Dis 2024 membawa kepada penahanan 13 individu dan rampasan lebih 40,000 bahan melibatkan eksploitasi seksual kanak-kanak.

"Kejayaan lebih besar dicapai melalui Op Pedo 2.0 (22-30 Sept 2025), yang menyaksikan 31 suspek ditahan di 37 lokasi, termasuk kes melibatkan guru dan warga asing," menurut MCMC dalam kenyataan hari ini.

Dalam aspek pendidikan awam, Kempen Internet Selamat (KIS) terus dipergiat dan terkini telah dilaksanakan di 8,454 institusi pendidikan, melibatkan pelajar, ibu bapa, pendidik dan komuniti.

Menurut MCMC, persiapan bagi pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Talian (ONSA) 2025 dan penguatkuasaan had umur minimum 16 tahun bagi pendaftaran akaun media sosial mulai 2026 juga sedang dilaksanakan.

MCMC turut memaklumkan persiapan bagi pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Talian (ONSA) 2025 dan penguatkuasaan had umur minimum 16 tahun bagi pendaftaran akaun media sosial mulai 2026 sedang dijalankan.

Inisiatif KIS 2.0 pada 2026 akan menumpukan kepada peningkatan literasi keselamatan digital dalam kalangan ibu bapa. Sejalan pelaksanaan ONSA 2025, suruhanjaya itu memberi tumpuan kepada instrumen subsidiari bagi memperkukuh kewajipan Pemberi Perkhidmatan Berlesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Pendekatan baharu ini meletakkan perlindungan kanak-kanak sebagai keutamaan, termasuk pengurusan risiko platform serta langkah pencegahan terhadap kandungan memudaratkan.

"MCMC kekal komited memperkukuh keselamatan kanak-kanak dalam talian melalui kawal selia yang tegas, penguatkuasaan bersepadu dan pendidikan masyarakat yang berterusan," kata MCMC.

ONSA 2025 memperkenalkan kerangka kawal selia yang lebih proaktif dengan menetapkan tanggungjawab jelas kepada platform untuk mengurus kandungan berisiko tinggi, termasuk bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, kandungan lucah, kandungan sumbang, dan kandungan berkaitan kemudaratan diri.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes gangguan seksual 3 pelajar perempuan di Hulu Selangor masih disiasat - Polis

Oleh **Amirul Aiman Hamsuddin** - Disember 3, 2025 @ 7:46am



Gambar hiasan

SHAH ALAM: Polis masih meneruskan siasatan kes gangguan seksual membabitkan tiga pelajar perempuan Tingkatan Empat di asrama sebuah sekolah di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ibrahim Husin, berkata kes itu juga akan dirujuk kepada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan Bukit Aman.

"Setakat ini, kes masih dalam siasatan," katanya ringkas ketika dihubungi, malam tadi.

Pada 26 November lalu, seorang kakitangan sebuah sekolah ditahan susulan laporan polis dibuat tiga pelajar terbabit yang mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual.

Ibrahim dilaporkan berkata, siasatan mendapati suspek berusia 48 tahun itu menyentuh ketiga-tiga mangsa ketika sedang tidur di katil asrama.

Suspek kemudian ditahan dan direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis kesan wanita, remaja perempuan tidak pulang rumah sejak Selasa

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Subang Jaya: Polis sedang mengesan wanita dan seorang remaja perempuan yang dipercayai hilang selepas tidak pulang ke rumah sejak Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, laporan mengenai kehilangan Siti Noor Shafiqah Edarullah, 19, dan Siti Esmahdatul Husna Abdullah, 25, diterima pada 6.05 petang.

"Kedua mereka kali terakhir dilihat di sebuah rumah di Lot 106, Jalan Tempinis, Kampung Tengah, Puchong pada 1 Disember.

"Polis sedang berusaha mengesan kedua individu serta siasatan sedang giat dijalankan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, Siti Noor Shafiqah memiliki ketinggian 157 sentimeter, berat 60 kilogram (kg), berkulit kuning langsung, berambut pendek kerinting hitam, hidung bulat, mata sepet dan bibir nipis.

"Siti Esmahdatul Husna pula berketinggian 160 sentimeter, berat 70 kg, berkulit hitam manis, berambut panjang perang, hidung bulat, mata bulat dan bibir tebal," katanya.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, maklumat boleh disalurkan ke Bilik Gerakan IPD Subang Jaya di talian 03-7862 7222 atau kepada Penolong Pegawai Penyiasat Sarjan Ahmad Fyruz Salim di 016-7279039.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rakaman suara dedah perbuatan keji lelaki cabul anak perempuan tiri

Alias Abd Rani - Disember 3, 2025 @ 2:48pm



Foto hiasan.

BATU PAHAT: Seorang pesara dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas lima pertuduhan mencabul anak perempuan tiri sendiri sejak Ogos lalu, bermula dengan alasan mahu mengurus mangsa.

Lelaki berusia 53 tahun itu didakwa melakukan jenayah berkenaan di beberapa lokasi, termasuk dalam kereta, namun tidak menyedari anak tirinya berjaya membuat rakaman suara tertuduh ketika melakukan perbuatan keji berkenaan.

Pesara berkenaan dihadapkan di hadapan Majistret Nurasidah A Rahman untuk pertuduhan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu bagi setiap pertuduhan, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, dia didakwa melakukan kekerasan jenayah dengan mencabul anak tiri berusia 21 tahun pada jam 5.30 petang, 8 dan 11 malam 30 Ogos serta 10 dan 22 September lalu.

Bagi pertuduhan keempat dan kelima, tertuduh didakwa mengulangi jenayah sama pada jam 12 tengah hari dan 7.30 malam, 23 September dan 26 November lalu. Kesemua jenayah didakwa dilakukan di ruang tamu rumah, dalam kereta serta bilik tidur.

Berdasarkan laporan, tertuduh sebelum itu mahu mengurus mangsa yang didakwanya keletihan namun ditolak. Bagaimanapun, dia terus mendesak yang menyebabkan mangsa ketakutan kerana bimbang sesuatu berlaku.

Lelaki itu mengulangi perbuatan terkutuk berkenaan di beberapa tempat sebelum mangsa berjaya diselamatkan ahli keluarga yang mengetahui kejadian tidak baik berlaku ke atasnya. Pada masa sama, mangsa juga sempat membuat rakaman suara tertuduh ketika melakukan perbuatan keji terhadapnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Farah Wahidah Mohd Sharip, manakala tertuduh diwakili peguam, Suhaila Shaf'uddin dan kemudian membuat pengakuan tidak bersalah terhadap semua pertuduhan.

Pihak pendakwaan tidak menawarkan ikat jamin atas faktor keselamatan memandangkan tertuduh tinggal bersama mangsa dan ibunya, namun mahkamah yang mengambil kira rayuan dan hujahan kedua-dua pihak, membenarkan lelaki itu diikat jamin RM15,000 untuk kesemua pertuduhan.

Nurasidah juga memerintahkan tertuduh melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan, tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai sebelum menetapkan 26 Januari depan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.